

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 MAY 2016

Kerjasama tingkat hubungan, peluang ekonomi - Najib

Um- 31/5/2016

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 30 MEI

MALAYSIA dan Singapura dijangka memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi melaksanakan projek kereta api berkelajuan tinggi yang menghubungkan Singapura dengan Kuala Lumpur, Julai ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, projek itu akan meningkatkan perhubungan, peluang ekonomi dan hubungan sesama masyarakat yang berbeza negara.

Beliau berkata, projek berkenaan merupakan satu contoh bagaimana semangat kerjasama dalam persahabatan dan manfaat bersama di antara dua negara diperoleh, selain meletakkan tembok penghalang di belakang.

"Kita membina hubungan dan mewujudkan pakatan ekonomi dengan negara-negara lain bagi mempromosikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran untuk rakyat.

"Ini merupakan pendekatan kita dan sudah melihat manfaatnya. Saya telah menyelesaikan banyak isu legasi dengan Singapura. Sebagai contoh, resolusi Points of Agreement yang diselesaikan pada 2010 selepas 20 tahun kes itu melalui jalan buntu, merupakan satu kes yang baik," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian Rundingan Meja Bulat Asia Pasifik Ke-30 (APR@30) di sini hari ini.

APR@30 yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini bertemakan kerjasama dan persainan dalam perubahan landskap



NAJIB TUN RAZAK bersama Rastam Isa (kiri) melawat tapak pameran dalam majlis makan malam dan pelancaran Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik Ke-30 di Kuala Lumpur, malam tadi. - UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID

serantau.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa ASEAN (ASEAN-ISIS), Tan Sri Rastam Isa.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein turut dijadual menyampaikan ucapan

pada sesi plenari APR@30, esok.

Tambah Perdana Menteri, beliau percaya bahawa dalam usaha mengekalkan ekonomi yang kukuh, Malaysia perlu mempunyai hubungan sihat dengan negara-negara jiran yang merupakan rakan dagang, rakan berhubung dan rakan untuk bekerjasama.

Sehubungan itu kata Najib,

dalam sesuatu perhubungan negara, ideologi dan sistem politik diketepikan manakala kebebasan dikembalikan tanpa mencampuri prinsip serantau dan antarabangsa.

"Kepentingan negara mesti didahulukan sebelum mengambil kira kepentingan politik," ujarnya.

Dalam ucapan yang sama, Perdana Menteri berkata, ekonomi

Malaysia tetap berdaya tahan walaupun terpaksa berhadapan dengan waktu sukar pada masa ini.

"Ekonomi global turut perlahan tetapi ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan. Terima kasih rakyat Malaysia yang bekerja keras serta dasar-dasar dan program kerajaan yang dilaksanakan selama ini," jelasnya.